

# Alliance Bank Malaysia Berhad

## Business Credit Card PA



### PRODUCT DISCLOSURE SHEET

(Please read this Product Disclosure Sheet before you decide to purchase the Alliance Bank Malaysia Berhad Business Credit Card PA. Be sure to also read the master policy wording terms and conditions.)

#### 1. What is this product about?

Provided the full fare your travel by air has been charged on you through your Alliance Bank Malaysia Berhad Business Credit Card. Business Credit Card shall mean Alliance Bank Malaysia Berhad Visa Infinite Business Credit Card or Alliance Bank Malaysia Berhad Visa Platinum Business Credit Card. This product provides compensation in the event of injuries, disability or death caused by accident, medical expenses incurred as a result of accident or illness, travel inconvenience and travel assistance for your overseas journey whilst you are travelling on a Common Carrier. This product also provides compensation in the event if you are infected with Covid-19 for travel cancellation benefits.

#### 2. What are the covers / benefits provided?

This product covers:-

##### Schedule of Benefits:

Benefit	Benefit Description	Sum Insured (RM)
1	Accidental Death and Permanent Disablement	2,000,000
2	Overseas Medical Expenses	Up to 50,000
3	Emergency Medical Evacuation and Repatriation	Up to 200,000
4	Travel Cancellation	Up to 5,000
5	(a) - Travel Delay (b) - Travel Misconnection more than 6 consecutive hours	Up to 1,000
6	Baggage Delay & Baggage Lost- more than 6 consecutive hour	Up to 2,500

Note: Please refer to the master policy wording for full description of benefits, terms, conditions and exclusions under this product.

#### 3. How much premium do I need to pay?

N/A. This Alliance Bank Malaysia Berhad Business Credit Card PA is complimented by Alliance Bank Malaysia Berhad.

#### 4. What are the fees and charges that I have to pay?

N/A. This Alliance Bank Malaysia Berhad Business Credit Card PA is complimented by Alliance Bank Malaysia Berhad.

#### 5. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?

- Importance of disclosure** - You must disclose all material facts such as your personal pursuits including your travel details which would affect the risk profile and number of travel policies that you have purchased from other insurance companies.
- Consumer Insurance Contract** - Pursuant to Paragraph 5 of Schedule 9 of the Financial Services Act 2013, if you are applying for this insurance wholly for purposes unrelated to your trade, business or profession, you have a duty to take reasonable care not to make a misrepresentation in answering the questions in the Proposal Form (or when you apply for this insurance). You must answer the questions fully and accurately. Failure to take reasonable care in answering the questions may result in avoidance of your contract of insurance, refusal or reduction of your claim(s), change of terms or termination of your contract of insurance. The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of insurance is entered into, varied or renewed with us. In addition to answering the questions in the Proposal Form (or when you apply for this insurance), you are required to disclose any other matter that you know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied. You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of insurance has been entered into, varied or renewed with us any of the information given in the Proposal Form (or when you applied for this insurance) is inaccurate or has changed.
- Non-Consumer Insurance Contract** - Pursuant to Paragraph 4(1) of Schedule 9 of the Financial Services Act 2013, if you are applying for this insurance for a purpose related to your trade, business or profession, you have a duty to disclose any matter that you know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied and any matter a reasonable person in the circumstances could be expected to know to be relevant, otherwise it may result in avoidance of your contract of insurance, refusal or reduction of your claim(s), change of terms or termination of your contract of insurance. The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of insurance is entered into, varied or renewed with us. You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of insurance has been entered into, varied or renewed with us any of the information given in the Proposal Form (or when you applied for this insurance) is inaccurate or has changed.
- Claim Procedure** - Notification through a web notification: <https://egms.zurich.com.my/claims> or written notice must be given within 14 days after the incident occurs.
- Maximum Travel Duration** - Each journey shall not exceed thirty (30) consecutive days; and
- Overall Aggregate Limit** - Our maximum aggregate liability under this master policy in respect of all Insured Persons travelling in the same conveyance (by land, water or air) shall not exceed RM 20,000,000. In the event the aggregate exceeds the said amount, We shall pay the claims to the policyholder on a proportionate basis.
- Eligibility** - The following conditions must be satisfied in order for the Insured Person to be qualified for coverage under this product:
  - The Insured Person must be a valid Alliance Bank Malaysia Berhad's Business Credit Cardholder;
  - Age Limit - eighteen (18) to sixty-five (65) years old (all ages refer to the age of your next birthday);
  - Full fare your travel by air has been charged on you through your Alliance Bank Malaysia Berhad Business Credit Card.

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the master policy wording for full list of terms and conditions under this product.

#### 6. What are the major exclusions under this product?

This product does not cover:

- War or any act of War, declared or not;

- Your direct participation in strikes, riots and civil commotion or insurrection;
- You provoked murder or assault, intentional self-injury, suicide or attempted suicide while sane or insane;
- You deliberate exposure to exceptional danger (except in an attempt to save human life);
- If one (1) of the reasons of your journey is to obtain overseas medical treatment, vaccination, medical check-up, care or advice regardless of whether this is the sole or main purpose of your journey;
- Pre-existing condition;
- Epidemic and/or pandemic (not applicable to Benefit 4);
- Act of terrorism (not applicable to Benefit 4);
- An incident or circumstance of which you were aware of or could reasonably be expected to be aware of at the time of purchasing this insurance or booked your travel (whichever occurs last) and which could reasonably be expected to lead to a claim under your master policy;
- You do not take precaution to avoid a claim after there was a warning in the mass media of a strike, riot, bad weather or other circumstances;
- any circumstances that already existed or are known to the public before you book your travel; and
- mountaineering or any activity above three thousand (3,000) meters height;

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the master policy wording for full list of exclusions under this product.

**7. Can I cancel my policy?**

Since this is complimentary coverage, hence no cancellation is required.

**8. What do I need to do if there are changes to my contact details?**

It is important that you inform us of any change in your contact detail/life profile including nomination and travel details which would affect your risk profile. You can write to us at the address below or email us at: [callcentre@zurich.com.my](mailto:callcentre@zurich.com.my).

**9. Where can I get further information?**

Should you require additional information about the product, you can refer to the Product Disclosure Sheet (PDS) and/ or Policy Wording as posted in the credit card product page in Alliance Bank Malaysia Berhad official website: <https://www.alliancebank.com.my/Business/SME/Cards>.

**10. Other types of Travel Insurance available:**

Please ask your bank representative for other similar type of products offered by us.

**IMPORTANT NOTE:**

**YOU ARE ADVISED TO NOTE THE SCALE OF BENEFITS FOR DEATH AND DISABLEMENT IN YOUR INSURANCE MASTER POLICY. YOU MAY NOMINATE A NOMINEE AND ENSURE THAT YOUR NOMINEE IS AWARE OF THE TRAVEL MASTER POLICY THAT YOU HAVE PURCHASED. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE INSURANCE MASTER POLICY AND DISCUSS WITH THE BANK REPRESENTATIVE OR CONTACT THE INSURANCE COMPANY DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.**

**Zurich General Insurance Malaysia Berhad** is licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.

The information provided in this disclosure sheet is valid from 01 June 2024 until a revision is issued.

The benefit(s) payable under eligible product is protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact Zurich General Insurance Malaysia Berhad or PIDM (visit [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Note: In the event of discrepancy, ambiguity and conflict in interpreting any term or condition, the English version shall prevail and supersede the Bahasa Malaysia version.

**Zurich General Insurance Malaysia Berhad**

Registration No. 201701035345 (1249516-V)  
 Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar,  
 KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia  
 Tel: 03-2109 6000  
 Fax: 03-2109 6888  
 Call Centre: 1-300-888-622



# Alliance Bank Malaysia Berhad

## Business Credit Card PA



### LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan Alliance Bank Malaysia Berhad Business Credit Card PA. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat kontrak polisi induk.)

#### 1. Apakah produk ini?

Tertakluk kepada tambang penuh anda untuk perjalanan melalui udara telah dikenakan pada anda ke atas Kad Kredit Perniagaan Alliance Bank Malaysia Berhad anda.

Kad Kredit Perniagaan bermaksud kad kredit Perniagaan Visa Infinite Alliance Bank Malaysia Berhad atau kad kredit Perniagaan Visa Platinum Alliance Bank Malaysia Berhad.

Produk ini memberikan pampasan sekiranya berlaku kecederaan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan oleh kemalangan, perbelanjaan perubatan yang ditanggung akibat kemalangan atau penyakit, kesulitan perjalanan dan bantuan perjalanan bagi perjalanan luar negara anda, semasa anda dalam perjalanan dengan pengangkutan umum. Produk ini juga menyediakan pampasan untuk manfaat pembatalan perjalanan sekiranya anda dijangkiti Covid-19.

#### 2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Product ini melindungi:

Jadual Manfaat:

Manfaat	Benefit Description	Jumlah Yang Dilindungi (RM)
1	Kematian dan Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan	2,000,000
2	Perbelanjaan Perubatan Luar Negara	Sehingga 50,000
3	Pemindahan Perubatan & Penghantaran Balik Perubatan Kecemasan	Sehingga 200,000
4	Pembatalan Perjalanan	Sehingga 5,000
5	(a) Kelewatan Perjalanan (b) Terlepas Sambungan Perjalanan lebih daripada 6 jam berturut-turut	Sehingga 1,000
6	Kelewatan Bagasi & Kehilangan Bagasi - lebih daripada 6 jam berturut-turut	Sehingga 2,500

Nota: Sila rujuk kepada kontrak polisi induk untuk keterangan penuh atas manfaat, terma, syarat dan pengecualian yang terdapat di dalam produk ini.

#### 3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

N/A. Alliance Bank Malaysia Berhad Business Credit Card PA ini adalah percuma dan dibayar oleh Alliance Bank Malaysia Berhad.

#### 4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

N/A. Alliance Bank Malaysia Berhad Business Credit Card PA ini adalah percuma dan dibayar oleh Alliance Bank Malaysia Berhad.

#### 5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya berikan perhatian?

- Keperluan pendedahan** – Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti kegiatan peribadi anda termasuk maklumat perjalanan anda yang boleh mempengaruhi profil risiko dan bilangan polisi perjalanan yang anda langgani daripada syarikat insurans lain.
- Kontrak Insurans Pengguna** - Menurut Perenggan 5 Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan. Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa anda memohon insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
- Kontrak Insurans Bukan Pengguna** - Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa anda memohon insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
- Prosedur Tuntutan** – Pemberitahuan melalui pemberitahuan web: <https://egms.zurich.com.my/claims> atau notis bertulis hendaklah diberikan dalam tempoh 14 hari selepas kejadian berlaku.
- Tempoh Perjalanan Maksimum** – Setiap perjalanan hendaklah tidak melebihi tiga puluh (30) hari berturut-turut.
- Had Agregat Keseluruhan** – Tanggungan agregat maksimum Kami di bawah polisi induk ini berkenaan dengan semua Orang Yang Diinsuranskan yang melakukan perjalanan dalam pengangkutan sama (dengan tanah, air atau udara) hendaklah tidak melebihi RM20,000,000. Sekiranya agregat melebihi amaun tersebut, Kami akan membayar tuntutan tersebut kepada pemilik polisi berdasarkan nisbah yang sewajarnya. Ini hanya terpakai kepada polisi berkelompok dan polisi induk.
- Kelayakan** – Syarat-syarat berikut mestilah dipenuhi supaya Orang Yang Dilindungi layak bagi perlindungan di dalam produk ini.
  - Orang Yang Dilindungi mestilah Pemegang Kad Kredit yang sah untuk Alliance Bank Malaysia Berhad Business Credit Card;
  - Had Umur – lapan belas (18) hingga enam puluh lima (65) tahun (semua umur merujuk kepada umur pada hari lahir anda berikutnya);

Tambang penuh anda untuk perjalanan melalui udara telah dikenakan pada anda ke atas Kad Kredit Perniagaan Alliance Bank Malaysia Berhad anda.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi induk untuk senarai penuh terma dan syarat yang terdapat di dalam produk ini.

#### 6. Apakah pengecualian utama di dalam produk ini?

Produk ini tidak melindungi:

- Peperangan atau tindakan Peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak;
- Penyertaan langsung anda dalam mogok, rusuhan dan kekacauan atau kebangkitan awam;
- Pembunuhan atau serangan disebabkan provokasi anda, kecederaan disengajakan, bunuh diri atau percubaan membunuh diri sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman;
- Pendedahan anda kepada bahaya luar biasa (kecuali dalam usaha menyelamatkan nyawa manusia);
- Jika satu (1) daripada sebab bagi perjalanan anda adalah mendapatkan rawatan perubatan di luar negara, pemvaksinan, pemeriksaan, penjagaan atau nasihat perubatan tidak kira sama ada ini merupakan tujuan tunggal atau utama perjalanan anda;
- Keadaan sedia ada;
- Epidemik dan/atau pandemik (tidak berkenaan dengan Manfaat 4);
- Tindakan keganasan (tidak berkenaan dengan Manfaat 4);
- Kejadian atau keadaan di mana anda sedar atau sewajarnya sedar semasa pembelian insurans atau menempah perjalanan anda (yang mana berlaku kemudian) yang boleh dijangkakan dengan sewajarnya akan menyebabkan tuntutan di bawah polisi induk ini;
- Anda tidak mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan tuntutan selepas terdapat amaran media massa tentang mogok, rusuhan, cuaca buruk atau keadaan lain;
- Sebarang keadaan yang sedia ada atau diketahui kepada orang ramai sebelum anda menempah perjalanan; dan
- Mendaki gunung atau sebarang aktiviti di paras melebihi tiga ribu (3,000) meter;

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi induk untuk senarai penuh pengecualian yang terdapat di dalam produk ini.

#### 7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Oleh kerana ini adalah perlindungan percuma, maka tiada pembatalan diperlukan.

#### 8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran maklumat/peribadi saya?

Anda hendaklah memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam butiran maklumat/peribadi termasuk penamaan dan butiran perjalanan yang akan mempengaruhi profil risiko. Anda boleh menulis kepada kami menerusi alamat di bawah atau emel kepada kami di [callcentre@zurich.com.my](mailto:callcentre@zurich.com.my).

#### 9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat lanjut tentang produk ini, anda boleh mendapatkan satu salinan daripada wakil bank. Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut tentang produk ini, anda boleh merujuk kepada Lembaran Pendedahan Produk (PDS) dan/ atau Kontrak Polisi seperti yang dipaparkan dalam halaman produk kad kredit di laman web rasmi Alliance Bank Malaysia Berhad: <https://www.alliancebank.com.my/Business/SME/Cards>.

#### 10. Jenis Perlindungan Perjalanan lain yang disediakan:

Sila rujuk kepada wakil bank anda untuk jenis produk yang sama yang ditawarkan oleh kami.

#### NOTA PENTING:

**ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBERI PERHATIAN BERKENAAN SKALA MANFAAT BAGI KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS INDUK ANDA. ANDA BOLEH MENCALONKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU BERKENAAN POLISI PERJALANAN INDUK YANG TELAH ANDA LANGGAN. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INDUK DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL BANK ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.**

Zurich General Insurance Malaysia Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang terkandung di dalam lembaran pendedahan ini sah mulai 01 Jun 2024 sehingga ulang kaji dikeluarkan.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Zurich General Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Nota: Sekiranya terdapat percanggahan, kekaburan dan konflik dalam mentafsirkan sebarang terma atau syarat, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai dan menggantikan versi Bahasa Malaysia.

#### Zurich General Insurance Malaysia Berhad

No. Pendaftaran 201701035345 (1249516-V)  
Aras 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar,  
KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: 03-2109 6000  
Faks: 03-2109 6888  
Pusat Panggilan: 1-300-888-622

